JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2010 1103/2
# BAHASA MELAYU
**Kertas 2**
**Ogos**

**2 ½ jam** **Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **empat** soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Jawapan bagi **Soalan 2(b)**, **Soalan 2(c)**, **Soalan 2(d)** dan **Soalan 4** berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

*Disediakan oleh:* GURU AKRAM NEGERI TERENGGANU

*Dibiayai oleh:* KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

**TERENGGANU ANJUNG ILMU**

*Dicetak Oleh:*
*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.*
*Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 *markah*]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang* **impak negatif penggunaan aplikasi jaringan sosial** *dan* **cara-cara mengatasi ketagih penggunaannya**. *Panjang rumusan hendaklah* **tidak melebihi 120 patah perkataan.**

*Facebook, Tweeter, MySpace* dan *Tagged* merupakan antara alat komunikasi pada abad ini. Kemunculan alat komunikasi yang semakin digemari oleh setiap peringkat umur ini telah memberikan pelbagai impak positif dan negatif terhadap tahap sosialisasi mahupun gaya pemikiran individu. Kemunculannya telah mengundang pelbagai persepsi dalam kalangan masyarakat dunia pada hari ini yang menggunakan media baru sebagai wahana komunikasi mereka. Selain itu, faktor mesra pengguna juga merupakan antara sebab pengguna alat komunikasi ini terdiri daripada kalangan semua peringkat umur. Aplikasi-aplikasi ini boleh dicapai dengan mudah pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Namun begitu, aplikasi teknologi maklumat canggih ini perlu dikaji impaknya terhadap individu mahupun produktiviti sesebuah organisasi kerana pelbagai jenayah sosial boleh dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Penyebaran maklumat yang bersifat hasutan dan provokasi boleh dilakukan melalui aplikasi ini. Pengguna bebas menyuarakan pendapat mereka tanpa sekatan pihak-pihak berwajib. Aplikasi ini juga boleh mengundang penyebaran maklumat yang salah kepada golongan masyarakat yang mempunyai tahap pemahaman dan pengetahuan yang rendah tentang sesuatu isu. Perkara ini secara tidak langsung boleh mendedahkan kelemahan sesuatu organisasi mahupun negara. Pihak yang tidak bertanggungjawab juga boleh mencuri hasil kerja orang lain atau plagiat melalui aplikasi rangkaian sosial. Golongan ini dengan mudah menyalin bahan yang telah dihasilkan semula supaya menjadi hak milik mereka.

Isu keagamaan juga sering kali menjadi sasaran pihak yang mempunyai kepentingan lain. Perkara ini dapat dilihat apabila terdapat golongan yang cuba mewujudkan provokasi negatif terhadap sesuatu agama atau kaum lain. Hal ini *mampu menggoyahkan keharmonian* sesuatu institusi sosial mahupun negara. Pelbagai aplikasi laman sosial juga dapat membuka peluang kepada kewujudan aktiviti yang melekakan dan ketagihan terhadap penggunaannya. Perkara sebegini akan menyebabkan individu lebih banyak membuang masa dan merugikan sesebuah organisasi apabila para pekerja ketagih mengakses aplikasi ini dan mengabaikan tugasan hakiki. Penyalahgunaan bahasa juga merupakan antara kesan negatif yang timbul akibat penggunaan laman sosial ini. Banyak pengguna yang melayari aplikasi ini gemar menggunakan perkataan yang ringkas dan ada kalanya menyalahi aspek tatabahasa. Keadaan ini akan menjejaskan usaha pihak berwajib dalam memartabatkan penggunaan bahasa yang betul.

Baik atau buruk sesuatu rangkaian laman sosial bergantung kepada cara individu menggunakannya. Sekiranya dilihat dari sudut yang positif, laman sosial sebegini mampu memberikan impak yang dapat menguntungkan pelbagai lapisan masyarakat. Sebaliknya, jika digunakan ke arah yang negatif akan memberikan kesan buruk kepada sesebuah organisasi dan masyarakat. Segala-galanya bergantung kepada tindakan dan niat pengguna dalam mencapai sesuatu matlamat.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Impak Penggunaan Aplikasi Jaringan Sosial'
oleh Muhamad Helmi Haji Abu Bakar, *Dewan Siswa*, Julai 2010)



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

**Soalan 2 : Pemahaman**

**Soalan 2(a) Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan* **Soalan 1,** *jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

(i) Berikan maksud rangkai kata *mampu menggoyahkan keharmonian.*

[2 *markah*]

(ii) Mengapakah pengguna alat komunikasi moden ini terdiri daripada semua peringkat umur?

[3 *markah*]

(iii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah aplikasi jaringan sosial ini dapat membantu anda?

[4 *markah*]



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

**Soalan 2** *(b)* **- Petikan Cerpen**

*Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Sudah hampir sejam Annyss bertafakur di pusara ayah dan bondanya. Pohon dsymma di sisi pusara masih belum mungkir menaburkan wangiannya. Subuh telah mengundur diri apabila melihat matahari pagi bangkit daripada selimut gunung di timur Alstonia. Hamparan permaidani hijau masih segar bermandikan embun. Eustary masih setia menemani puterinya.

"Sabarlah wahai ayahanda, bonda. Wasiat itu pasti akan anakanda tunaikan jua," bisik Annyss perlahan. Namun, sambung kata hatinya, mampukah aku menemui Eyrique sebelum suria terlelap senja ini?

"Aha! Annyss Sophillea! Lama betul kau menghilangkan diri. Apa yang dimenungkan tu?" satu suara lelaki mengejutkan lamunnya. Pantas dia menoleh.

"Kau, Strenn?"

"Siapa lagi kalau bukan sepupu kau yang seorang ni?" balas Strenn. Dia bukanlah orang pertama yang Annyss jangka akan menyambut kepulangannya. "Tak ke mana pun perginya belut, akhirnya pulang juga ke lumpur." Strenn terus menyindir.

"Apa yang kau mahu datang ke sini?" tegas Annyss.

"Sekadar bertanya khabar."

"Kalau itu yang kau inginkan , khabarku masih baik."

"Bagaimana dengan Eyrique? Sudah ditemui?" pertanyaan Strenn berbau sinis." Lupakan dia Annyss , kalau kau menjadi isteriku, sekali gus kau adalah Permaisuri Alstonia. Tapi kalau Eyrique naik takhta , kau tidak akan dapat apa-apa." Strenn telah merasakan kemenangannya.

(Dipetik daripada<br>cerpen 'Annyss Sophillea',<br>oleh Nisah Haji Haron, dalam antologi *Anak Laut*,<br>Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Gambarkan suasana di pusara ayah dan bonda Annyss. [ 2 *markah* ]

(ii) Sekiranya anda Annyss Sophillea, adakah anda akan menerima lamaran Strenn untuk menjadi isterinya?
Berikan **tiga** alasan anda. [ 3 *markah* ]

(iii) Huraikan **dua** nilai murni dalam petikan di atas dan **dua** nilai murni yang terdapat dalam keseluruhan cerpen tersebut. [ 4 *markah* ]



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

**Soalan 2*(c)* - Petikan Prosa Klasik**

*Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Hang Jebat pun menangis mendengar kata Laksamana demikian itu. Maka Laksamana pun menangis kasihan hatinya pada Hang Jebat. Maka kata Hang Jebat. "Aku pun kerana melihat engkau dibunuh oleh Bendahara tiada dengan dosanya; sebab itulah maka sakit hatiku. Akan istimewa aku pula orang permainan tiada akan dibunuhnya, kerana raja itu membunuh tiada dengan periksanya. Pada bicara hatiku, sedang engkau banyak kebaktianmu dan jasamu lagi dibunuhnya oleh raja, istimewa aku pula. Sebab pun kuperbuat demikian ini, sepala-pala nama jahat jangan kepalang, seperti pantun Melayu, rosak bawang ditimpa jambaknya; maka sempurnalah nama derhaka dan nama jahat." Maka kata Laksamana, "Sungguh seperti katamu itu, tetapi akan kita diperhamba raja ini hendaklah pada barang sesuatu pekerjaan itu dibicarakan sangat-sangat, seperti kata orang tua-tua; Baik mati dengan nama baik, jangan hidup dengan nama jahat, supaya masuk syurga jemah." Maka kata Hang Jebat, "Sebenarnyalah seperti kata orang kaya itu. Apatah daya diperhamba? Sudahlah gerangan rupanya perjanjian diperhamba akan mati dengan nama yang jahat; tetapi Si Jebat tiada memberi air muka sahabatnya binasa, sehingga mati sudahlah. Tetapi Si Jebat tiada beranak. Adapun akan sekarang ada seorang perempuan, dayang-dayang Datuk Bendahara, Dang Baru namanya, perempuan itu bermukah dengan diperhamba. Sekarang ia bunting tujuh bulan. Adapun jika perempuan itu beranak lelaki, diambil oleh orang kaya jadikan pegawai anakanda Tun Nadim. Jika ia perempuan, mana perintah ibunyalah. Inilah pesan diperhamba pada orang kaya. "Maka kata Laksamana, "Baiklah."

(Dipetik daripada
'Pertarungan Tuah dengan Jebat',
dalam antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Apakah maksud *sepala-pala nama jahat jangan kepalang*?

[ 2 *markah* ]

(ii) Nyatakan alasan yang diberikan oleh Hang Jebat terhadap tindakannya.

[ 3 *markah* ]

(iii) Pada pendapat anda, wajarkah Hang Tuah membunuh Hang Jebat ? Berikan alasan anda.

[ 3 *markah* ]



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

**Soalan 2(*d*) - Sajak**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**DI RUANG GEMANYA**

Telah kurangkumkan rebah setiaku
pada setiap pilu dan rindu
melayang dan mengembang
ke hayat gemilang. Sejak itu
tidak kukesal lagi
goda dan duga
di gerimis senja.

Telah kupahatkan lelah umurku
pada setiap kerikil dan debu
datang dan menghilang
ke hujung kenang. Sesudah itu
tidak kukenal lagi
hampa dan derita
di guruh pagi.

Gerimis senja guruh pagi
adalah titipan maya
bakal kukongsikan hati
mengukir tadbir di ruang gemanya.

**DHARMAWIJAYA**
Antologi *Kerusi*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Berdasarkan rangkap pertama, nyatakan pengorbanan penyair terhadap negara. [ 2 *markah* ]

(ii) Pada pandangan anda, apakah usaha-usaha yang dapat memupuk semangat cinta akan tanah air dalam kalangan rakyat berbilang kaum di negara kita? [ 3 *markah* ]

(iii) Jelaskan dua persoalan yang terdapat dalam sajak di atas. [ 4 *markah* ]



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan*

(a) *Tulis* **satu ayat** *bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

(i) aman
(ii) mengamankan
(iii) pengamanan
(iv) kemas
(v) mengemaskan
(vi) pengemaskinian

[6 *markah*]

(b) *Tukar cakap pindah di bawah dalam bentuk cakap ajuk. Anda dikehendaki supaya mengekalkan susunan isi dalam petikan tersebut.*

Ramizah menegur Rusini dan bertanya kepadanya sebab dia kelihatan muram. Dengan nada mengeluh, Rusini menjelaskan bahawa sejak akhir-akhir ini bermacam-macam masalah menimpa keluarganya dan dia berasa bingung memikirkan bagaimana hendak menyelesaikannya. Ramizah ingin tahu masalah Rusini dan meminta Rusini berterus-terang kepadanya supaya beliau dapat membantu menyelesaikan masalah Rusini. Rusini menerangkan kepada Ramizah bahawa ayahnya telah disahkan oleh doktor menghidap penyakit lemah jantung. Ramizah menasihati Rusini agar terus bersabar menghadapi dugaan Tuhan. Rusini mengucapkan terima kasih kepada Ramizah kerana menasihati beliau supaya terus bersabar.

[6 *markah*]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan ejaan** *dan* **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Perlantikan dua hakim wanita sebagai hakim syarie mendapat perkenan daripada Yang di Pertuan Agong.

(ii) Ribuan penyokong Jerman amat kecewa melepas pasukan kesayangan mereka tewas kepada Belanda sekaligus gagal mara ke perlawanan akhir.

(iii) Penjual barangan kosmatik itu disasarkan golongan wanita sebagai pelanggan mereka.

[6 *markah*]



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** *dan* **satu kesalahan tatabahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Jabatan Alam Sekitar akan bertindak tegas kepada pihak mana-mana yang membuatkan pembakaran terbuka untuk menangani masalah jerebu di negara ini.

(ii) Sebagai anak, kita mestilah sentiasa mengawasi maruah keluarga dengan menghindarkan diri dari perbuatan yang mengaibkan keluarga.

(iii) Walaupun berhadapan di atas kemelut ekonomi global namun aliran kredit di negara ini terus berkembang kerana sikap pengguna yang bijak berbelanja.

[6 *markah*]

(e) *Tulis satu ayat bagi setiap peribahasa atau cogan kata di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.*

(i) muafakat membawa berkat

(ii) ikut rasa binasa, ikut hati mati

(iii) bagaikan tikus membaiki labu

[6 *markah*]



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

**Soalan 4: Novel**

[ 15 *markah* ]

*Jawapan soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

(i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
(ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf
(iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
(iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
(v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussein
(vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
(vii) Julia karya Abu Hassan Morad
(viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

a) Membaca sesebuah novel akan meninggalkan kesedaran dalam kalangan pembaca. Berdasarkan novel yang anda kaji, huraikan bagaimanakah watak utama berjaya menimbulkan kesedaran tersebut ?

[ 7 *markah* ]

b) Sisipan teknik plot merupakan aspek penting dalam pembinaan sesebuah novel yang menarik.
Huraikan teknik imbas kembali dan monolog dalaman yang terdapat dalam dua buah novel yang telah anda pelajari.

[ 8 *markah* ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com